

Budayakan pembacaan Al-Quran dalam hidup bermasyarakat



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong yang juga Penaung Takmir MRSB (empat, kanan) hadir menyertai jemaah pada Majlis Tadarus Al-Quran (kiri) manakala gambar kanan, Majlis Tadarus Al-Quran diadakan di kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Puan Yang Terutama Kamilah binti Haji Mohd Hanifah di Kampung Sungai Akar.

Berita dan Foto :

Ihsan Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Disember. - Bagi membudayakan bacaan Al-Quran sebagai amalan harian dan kehidupan bermasyarakat serta

merealisasikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) Kampung Sungai

Akar mengadakan Tadarus Al-Quran di kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Puan Yang Terutama Kamilah binti Haji Mohd Hanifah di Kampung Sungai Akar.

Hadir menyertai para jemaah ialah Menteri Sumber-Sumber

Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong yang juga Penaung Takmir MRSB.

Seramai 70 jemaah dan Takmir MRSB termasuk pelajar Madrasah Wakaf Islamiah Sabah menyertai aktiviti tersebut.

Aktiviti tersebut merupakan

Projek Mingguan Jawatankuasa Takmir MRSB yang baru bermula pada 12 Ogos 2017.

Projek tersebut juga antara lain bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara dua organisasi sukarela, iaitu Takmir MRSB dan Majlis Perundingan Kampung Sungai Akar.

Rasulullah sentiasa amalkan kebersihan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (depan, tiga dari kanan) semasa hadir bersama para jemaah mendengarkan Tazkirah Subuh pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Berita dan Foto :

Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Disember. - Sikap cinta kepada kebersihan yang diamalkan dan dititikberatkan oleh Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam hendaklah dicontohi oleh umat Islam lebih-lebih lagi dalam

menjaga penampilan diri sendiri agar sentiasa kemas dan disenangi.

Antara perkara yang dilakukan oleh Rasulullah dalam menjaga kebersihan termasuklah seperti bersiwak atau menjaga kebersihan oral,

memotong kuku pada hari Jumaat, memastikan misai dan bulu-bulu dicukur, merapikan janggut agar kelihatan sentiasa kemas di samping Baginda juga suka kepada wangiwangian.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan oleh Pengasas Bersama Al-Minhaj Centre Da'ie Bertauliah, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak dalam

Tazkirah Subuh beliau bertajuk 'Mengenali Fizikal Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji

Mohd. Yussof; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Zulkifli bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah dan Pemangku Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha.

Turut sama menyerikan program ini ialah pegawai dan kakitangan KUPU SB, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Unit Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar KHEU.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Program yang diadakan setiap Ahad itu merupakan sebuah program sama-sama mengalu-alukan jemaah bagi memakmurkan masjid dan seterusnya secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah pada awal waktu di masjid.